

**SIMBOL BUDAYA MASYARAKAT SABAH DALAM KARYA SENI ARCA
“WARISAN” OLEH CHEE SING TECK**

***CULTURAL SYMBOL OF SABAH COMMUNITY IN "WARISAN"
SCULPTURE BY CHEE SING TECK***

**Rohasmezan Bin Hashim^{1*}
Zaimie Bin Sahibil²**

^{1&2} *Akademi Seni dan Teknologi Kreatif
Universiti Malaysia Sabah, 88100, Sabah, MALAYSIA*

rohasmezanhashim@gmail.com*

Dihantar/Received: 28 Oct 2023 | Penambahbaikan/Revised: 25 Jan 2024

Diterima/Accepted: 07 Feb 2024 | Terbit/Published: 26 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.5184>

ABSTRAK

Seni arca adalah karya seni yang mempunyai fungsi sebagai objek budaya dengan menyetengahkan aktiviti kehidupan masyarakat setempat. Pelbagai media dan teknik diolah bagi membentuk seni arca yang bersifat tiga dimensi. Ia diolah oleh pengarca dengan mempunyai mesej yang tersurat dan tersirat tentang budaya masyarakat setempat. Kajian ini akan membuktikan arca “Warisan” mempunyai mesej yang tersirat atau makna budaya masyarakat setempat di Sabah. Teori ikonografi digunakan dalam kajian ini bagi mengeluarkan ikon budaya pada reka bentuk dan makna arca yang dihasilkan oleh Chee Sing Teck. Tiga peringkat proses menginterpretasi arca “Warisan” dalam penggunaan teori ikonografi ini. Peringkat pertama adalah peringkat asas yang mengkaji olahan unsur dan prinsip rekaan. Peringkat kedua adalah peringkat sekunder yang mengkaji mengkaji dari olahan unsur dan prinsip rekaan tadi bergabung mewujudkan ikon atau motif atau imej tembikar, aksesori pakaian tradisi dan motif pada corak pakaian masyarakat tradisi di Sabah. Akhir sekali, peringkat ketiga adalah peringkat interinsik iaitu gabungan kajian di peringkat pertama dan kajian di peringkat kedua membentuk makna dalaman yang membawa mesej tentang aktiviti dalam kehidupan masyarakat di Sabah. Kajian ikonografi terhadap arca “Warisan” yang dihasilkan oleh Chee Sing Teck telah mengesan bahawa arca ini mempunyai simbol budaya tentang masyarakat tradisi di Sabah.

Kata Kunci: Simbol; Ikon; Budaya; Seni Arca; Ikonografi

ABSTRACT

Sculpture art is a work of art that serves as a cultural object by emphasising the activities of local communities. Various media and techniques are used to create three-dimensional sculptural art. The sculptor processes it by writing and implying a message about the local culture. This study will demonstrate that the "Warisan" sculpture has an inferred message or cultural significance to the Sabah people. In this study, iconography theory is utilised to extract cultural icons from the design and meaning of Chee Sing Teck's sculptures. Three steps of

viewing the "Warisan" sculpture using this iconographic approach. The first level is the fundamental level, which covers element processing and design principles. The second step investigates how the components and design concepts are integrated to create pottery icons, motifs, or images, traditional clothing accessories, and motifs on traditional clothing patterns in Sabah. Finally, the third level is the internal level, which combines the first and second levels' studies to create an internal meaning that conveys a message about the activities of the Sabah community. The iconographic research of Chee Sing Teck's sculpture "Warisan" revealed that it serves as a cultural symbol for Sabah's traditional community.

Keywords: Symbols; Icons; Culture; Sculpture Arts; Iconography

PENGENALAN

Seni arca adalah karya seni yang mempunyai fungsi sebagai objek budaya dengan menyetengahkan aktiviti kehidupan masyarakat setempat. Seni arca adalah karya seni berbentuk tiga dimensi yang diolah oleh pengarca dengan menggunakan pelbagai media dan teknik (Ocvirk et al., 2006:222; Baharudin, 1996; Preble et al., 2002:194; Rogers, 1969:13). Olahan media dan teknik membentuk objek atau imej mengandungi maksud atau makna tentang budaya masyarakat sekeliling yang mempengaruhi pengarca semasa dia berkarya (Mulyadi Mahamood, 1995: 122).

Seni arca berfungsi sebagai objek budaya apabila ia mempunyai simbol atau simbolisme tentang budaya masyarakat di sekelilingnya. Simbolisme budaya adalah perlambangan budaya atau tingkah laku masyarakat dalam cara mereka berfikir, bertindak menghasilkan sesuatu perkara dan mengamalkan perlakuan tersebut dalam aktiviti kehidupan seharian. Seni arca mempunyai gambaran simbolisme budaya tentang cara masyarakat berfikir, melaksanakan dan mengamalkan adat resam yang telah lama mereka jalankan (Safrizal Shahir, 2018: 48).

Perkembangan sejarah seni arca moden di Sabah telah bermula pada tahun 1970-an sehingga tahun 1980-an yang menampilkan Philip Ricardo Biji dan Mohd. Junaidi Ismail sebagai pelopor dalam arena ini. Penghasilan arca mereka lebih kepada penggunaan media besi dan tanah liat yang membentuk imej abstrak yang sukar ditafsirkan tetapi lebih menekankan kepada penggunaan bahasa seni visual iaitu unsur seni reka dan prinsip rekaan. Chee Sing Teck, Ahmad Shah Ag. Tengah, Syora Buraera, dan Mohd Shaari Salleh adalah pengarca yang aktif pada tahun 1990-an menghasilkan arca berbentuk abstrak dan semi abstrak yang menggambarkan imej secara separa realistik iaitu imej pada arca masih lagi dapat dikenali oleh penghayat. Mereka mengolah media besi, tembikar dan kayu bagi membentuk karya seni arca mereka (Ismail Ibrahim, 2005:109-115).

Kajian ini memfokuskan kepada simbolisme budaya dalam karya seni arca "Warisan" oleh Chee Sing Teck. Ia akan mengkaji arca "Warisan" yang dihasilkan oleh Chee Sing Teck bagi mengeluarkan simbolisme budaya atau perlambangan budaya yang dalam arca. Chee Sing Teck telah dilahirkan di Kudat pada 29 September 1959, sila rujuk rajah 1, (i) Gambar potret pengarca. Beliau telah mendapat pendidikan awal di daerah Kudat dan Kota Marudu. Pada tahun 1990, beliau bertugas sebagai Guru Besar di SRJK (C) Chung Hwa, Sipitang. Beliau telah mengikuti Kursus Perguruan Gaya pada tahun 1979 hingga 1980, selepas beliau tamat Tingkatan 5. Kemudian beliau dihantar bertugas sebagai guru pendidikan seni di SMK Kota Marudu dari tahun 1981 hingga 1984. Selepas itu, beliau berpindah ke SMK Datuk Peter Mojuntin dari tahun 1985 hingga 1988 dan bertugas sebagai guru pendidikan seni. Beliau pernah mengikuti Kursus Khas Pendidikan Seni di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur pada tahun 1987. Sewaktu itu, beliau telah menyertai pameran akhir Kursus Maktab dan Pameran Cheras 87 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 1990 beliau aktif dalam aktiviti seni seperti menghias sekolah dengan lukisan Mural, membina taman sekolah dan sebagainya (Katalog Pameran Karya Lukisan M.P.I.K, 1990: 2). Pada tahun 1995 beliau telah memenangi hadiah Bahagian D Terbuka INNOSABAH sebanyak RM1,000.00 ringgit Malaysia dalam pertandingan Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah 1995 dengan menghasilkan

arca yang bertajuk “Pinakol” (Katalog Pameran Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah 1995, 1995: 27).


KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menjalankan analisa terhadap arca Chee Sing Teck yang bertajuk ‘Warisan’ yang mempunyai simbolisme budaya masyarakat di Sabah, sila rujuk rajah 1, (ii) Gambar arca ‘Warisan’ yang dihasilkan pada tahun 1996, arca telah dipamerkan di bangunan lama Balai Seni Lukis Sabah berdekatan dengan Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. Arca diperbuat dari tanah liat dan aksesori pakaian tradisional etnik Rungus. Arca dibina dengan menggunakan teknik seramik iaitu teknik acuan, lingkaran dan putaran (Ismail Ibrahim, 2005: 113).


Arca ‘Warisan’ dijalankan pemerhatian dan pengkajian terhadap bentuk dan makna melalui teori ikonografi yang telah direka oleh Erwin Panofsky. Teori ikonografi ini digunakan bagi mengkaji simbol budaya yang terdapat pada bentuk dan makna arca. Ia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat primer dengan kajian subjek semulajadi melalui fakta dan ekspresi. Mengkaji asas seni reka berkenaan dengan olahan unsur seni reka dan prinsip reka kepada bentuk arca adalah kajian fakta. Kajian representasi bentuk semulajadi dari olahan unsur seni dan prinsip rekaan adalah tinjauan ekspresi. Kajian sekunder adalah kajian peringkat sekunder dalam teori ikonografi yang mengkaji tentang subjek kajian yang biasa atau menjadi kebiasaan bagi membentuk alam imej, cerita dan karya. Alam imej, cerita dan karya yang mengaplikasikan watak, peristiwa dan lain-lain berfungsi sebagai lambang untuk menerangkan sesuatu yang lebih mendalam. Akhir sekali, kajian makna interinsik atau kajian makna mendalam atau kandungan adalah analisis bagi peringkat ketiga yang akan membentuk alam penilaian simbolik (Panofsky, 1955: 28).



(i) Gambar Potret Pengarca



(ii) Gambar Arca ‘Warisan’



(iii) Lakaran Struktur Arca

Rajah 1 : Gambar Pengarca, Gambar Arca Dan Lakaran Struktur ‘Warisan’

Sumber: (Gambar (i) - *Katalog Pameran Karya Pilihan Tahunan*. (1995). Kota Kinabalu: Balai Seni Lukis Sabah. P. 11. Gambar (ii) - Ismail Ibrahim. 2005. *Sejarah Perkembangan Seni Lukis Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Pp. 113.


HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Arca Chee Sing Teck yang bertajuk ‘Warisan’ mempunyai simbol budaya yang berkaitan dengan aktiviti kehidupan masyarakat di Sabah. Simbol budaya dapat dilihat pada kajian ikonografi yang memvisualkan olahan garisan, rupa, jalinan dan bentuk dalam penyelidikan peringkat primer dalam teori ikonografi. Kajian visual ini dapat dilihat dalam rajah 1, (iii) Lakaran struktur arca yang mempunyai olahan garisan, rupa, jalinan dan bentuk. Garisan yang melengkung diolah pada bahagian badan arca dan leher arca. Rupa organik badan arca menyerupai pasu. Jalinan diolah pada leher arca dengan adanya pengulangan garisan melengkung. Bentuk wujud apabila olahan garisan, rupa dan jalinan bergabung menyerupai sesuatu imej seperti pasu dan aksesori pakaian.


Rajah 2, menunjukkan kajian reka bentuk arca yang mempunyai ikon dan motif pada struktur dan permukaan arca yang diolah dengan menggunakan asas seni reka. Lakaran ikon pasu atau tempayan (i) dalam rajah 2, mempunyai struktur yang diolah dengan rupa geometrik iaitu rupa bulat pada mulut pasu dan rupa organik iaitu rupa bulat bujur pada badan pasu serta rupa empat segi bujur pada leher pasu. Lakaran ikon aksesori 1 (ii) diolah dengan menggunakan garisan melengkung, garisan menyerong, dan garisan melintang mewujudkan jalinan berulang dan menampakkan garisan seakan-akan bergerak menyerupai rantai dan gelang. Lakaran ikon aksesori 2 (iii) diolah dengan garisan yang beralun seakan-akan rupa tali dan rupa bulat menyerupai rupa manik yang bergabung menjadi bentuk rantai. Lakaran ikon aksesori 3 (iv) diolah dengan menggunakan garisan melengkung, rupa geometrik iaitu rupa empat segi, rupa tiga segi, dan rupa organik seperti bentuk ‘X’ bersatu dengan unsur seni reka yang lain menyerupai rantai.



(i) Lakaran ikon pasu



(ii) Lakaran ikon aksesori 1




(iii) Lakaran ikon aksesori 2




(iv) Lakaran ikon aksesori 3

Rajah 2 : Lakaran Ikon Pada Arca ‘Warisan’



Rajah 3 : Lakaran Ikon Wanita Etnik Rungus

Kajian ikonografi dalam peringkat kedua mengkaji olahan asas seni reka yang telah dijalankan dalam peringkat pertama membentuk representasi bentuk semula jadi yang dapat kita lihat adalah ikon atau imej pasu dan aksesori pakaian tradisional etnik Rungus. Pergabungan ikon atau imej pasu dengan aksesori pakaian tradisional ini akan membentuk ikon atau imej yang terdapat dalam kehidupan seharian masyarakat di Sabah terutamanya masyarakat etnik Rungus. Ikon atau imej berkaitan dengan pengalaman pengarcasemasa menjalankan aktiviti kehidupan sehariannya dengan masyarakat etnik Rungus di Daerah Kudat. Rajah 3 menunjukkan lakaran ikon (i) yang menyerupai imej rantai manik adalah aksesori pakaian tradisional etnik Rungus yang dipanggil ‘Togkol’ yang dipakai di bahagian leher pakaian tradisional wanita Rungus. Lakaran ikon (ii) olahan garisan, rupa empatsegi, rupa tiga segi, dan rupa organik berbentuk ‘X’ yang menyerupai rantai manik yang dipanggil ‘Pinakol’, yang juga dipakai bersama-sama ‘Pinakol’ yang bersaiz besar dan panjang melintang di badan wanita etnik Rungus. Lakaran ikon (iii) yang diolah dengan garisan melengkung, garisan menyerong, dan garisan melintang menyerupai aksesori di leher iaitu gelang leher, aksesori di tangan iaitu gelang tangan, dan aksesori di kaki iaitu gelang kaki. Masyarakat etnik Rungus memanggil rantai ini dengan panggilan ‘Ganggalung’, gelang tangan dipanggil ‘Saring’, dan gelang kaki dipanggil ‘Ilungkaki’ yang diperbuat dari tembaga (Yoon Pui Ling et al., 2018: 72, Siti Fariza Binti Mahfar et al., 2017: 8).



(i) Lakaran Ikon Jenis Pasu 1

(ii) Lakaran Ikon Jenis Pasu 2

(iii) Lakaran Ikon Jenis Pasu 3

Rajah 4 : Lakaran Ikon Jenis Pasu

Rajah 4 menunjukkan tiga jenis lakaran ikon pasu atau tembikar atau seramik atau tempayan adalah sebahagian reka bentuk pasu digunakan dalam masyarakat Rungus yang merujuk kepada (i) Lakaran ikon pasu dalam rajah 2 yang mempunyai struktur yang diolah dengan rupa geometrik iaitu rupa bulat pada mulut pasu dan rupa organik iaitu rupa bulat bujur pada badan pasu serta rupa empat segi bujur pada leher pasu.

Kajian makna mendalam mengkaji isi kandungan arca yang akan membentuk alam penilaian simbolik yang dilakukan dalam peringkat ketiga dalam teori ikonografi iaitu peringkat makna interinsik. Kajian dalam peringkat pertama dan peringkat kedua digabungkan akan mengeluarkan makna yang tersirat pada simbol yang terdapat pada bentuk arca. Ikon pasu atau tempayan membawa makna tentang kegunaan pasu atau tempayan dalam kehidupan seharian masyarakat etnik Rungus di Sabah. Pasu ini dijadikan sebagai barang perhiasan, peralatan dapur, harta pusaka, tempat menyimpan arak yang diperbuat dari beras, dan untuk menyimpanmayat (Nurulnatsha Azman et al., 2017: 28).

Pasu, tempayan dan seramik ini adalah buatan tempatan dan juga dari luar negaraseperti China, Siam dan Indo-China yang berkaitan dengan sejarah pedagang Zaman Dinasti Sung dan Zaman Dinasti Ming yang datang untuk berdagang atau menukar seramik dengan barangan hasil tempatan di pelabuhan Pantai Barat Sabah sebagai tempat persinggahan semasamereka berlayar dari China, Sulu dan Brunei (Nurulnatasha Azman, 2021: 212-214). Kajian Ahmad Fadly Jusoh bersama rakan-rakan membuat kajian artifak seramik di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat mendapati artifak yang ditemui daripada bangkai kapal Tanjung Simpang Mengayau itu terdiri daripada pelbagai jenis seramik, daripada balang hingga pasu, mangkuk tembaga, pinggan dan tembikar, selain gendang gangsa dan peralatan tembaga pelbagai bentuk. Badan kapal berselerak, dengan papan kayunya patah akibat rompakan dan pemusnahan selama berabad-abad (Ahmad Fadly Jusoh et al., 2002: 1-2).

Ikon aksesori membawa makna tentang aksesori pakaian wanita dari etnik Rungus yang terdiri dari rantai manik yang dipanggil 'Togkol' dan 'Pinakol' serta gelang leher dipanggil 'Ganggalung', gelang tangan dipanggil 'Saring', dan gelang kaki dipanggil 'Ilungkaki'. Etnik Rungus amat mengemari perhiasan manik sebahagiannya alat aksesori pakaian 'Tagkol' dan 'Pinakol'. Pelbagai jenis manik digunakan bagi menghasilkan aksesori pakaian tradisi etnik Rungus yang terdiri dari gigi binatang, tulang, cengkerang, serpihan logam, kaca, permata, batu akik, dan seramik (Tajul Shuhaizam Said et al., 2017: 25).

Etnik Rungus wanita juga memakai aksesori 'Ganggalung', 'Saring', dan 'Ilungkaki' yang diperbuat dari tembaga dijual di tamu atau pasar minggu yang menjadi perhiasan di pakaian mereka semasa majlis tradisi dijalankan. Sabah mempunyai pelbagai jenis galian, sumber utama galian di Sabah ialah kuprum, tanah silika dan sumber galian bukan besi. Pengeluaran pertama tembaga bermula pada tahun 1975 dengan pembukaan lombong Mamut di Ranau. Selain itu, sumber mineral dan bijih lain diekstrak termasuk bijih besi, sulfur dan sejumlah kecil emas dan perak. Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan dalam projek perlombongan tembaga Mamut. Perlombongan tembaga telah membuka peluang pekerjaan secara langsung sekitar 1200 orang dan secara tidak langsung kepada 2300 orang pada tahun 1980. Kebanyakan tenaga buruh terdiri daripada penduduk tempatan yang tinggal berhampiran daerah Ranau, manakala pegawai berpangkat tinggi dibawa masuk dari Jepun. Dari segi pemprosesan produk tembaga, kerja yang dijalankan menggunakan kaedah kuno dan kerja pemprosesan tembaga adalah sangat minimum (Norazizah Adnan, 2021: 4).

KESIMPULAN

Arca 'Warisan' yang dihasilkan oleh Chee Sing Teck mempunyai simbol budaya masyarakat etnik Rungus di Sabah. Dengan mengaplikasikan teori ikonografi, kita dapat melihat bagaimana simbol pada arca berhubungan dengan budaya masyarakat di negeri Sabah. Arca berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat yang meliputi aktiviti keramaian, perkahwinan, dan lain-lain majlis tradisi yang berhubungkait dengan pakaian tradisional mereka. Pengarca yang hidup dalam kalangan masyarakat sabah menghasilkan arca bagi

meluahkan ideanya tentang aktiviti kehidupan masyarakat etnik Rungus di Sabah. Di sini kita dapat melihat kepentingan seni arca dalam kehidupan seharian kita yang menjadi sebagai salah satu objek perakam budaya yang akan dirujuk oleh masyarakat, pengkaji masa kini dan pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Balai Seni Lukis Sabah, dan Universiti Malaysia Sabah bagi menjayakan penulisan ini.

RUJUKAN

- Ahmad Fadly Jusoh, Baszley Bee Basrah Bee· Stephen Chia Ming Soon. (2002). Elemental Analysis Of Ceramic Artefacts From Tanjung Simpang Mengayau Shipwreck In Sabah. *Journal Of Sustainability Science And Management*. Volume 17 Number 9. 1-2.
- Baharudin, M. A. (1996). Seni Arca Dalam Budaya Malaysia. Balai Seni Lukis Negara. Katalog “Pameran Seni Arca Kontemporari Malaysia: Persoalan Tradisi & Kemodenan”. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Ismail, I. (2005). Sejarah Perkembangan Seni Lukis Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. 109-115.
- Katalog Pameran Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah 1995. (1995). Kota Kinabalu: Balai Seni Lukis Sabah. 27.
- Muliyadi, M. (1995). Isu Kemasyarakatan Dalam Karya Zulkifli Yusof, Seni Lukis Dalam Peristiwa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. 122.
- Norazizah Adnan. (2021). Mamut Copper Mine: Development And Social Impact on Sabah Society 1960-1990. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*. 4.
- Nurulnatasha Azman. (2021). Kajian Seramik Di Tapak Arkeologi Bahagian Pantai Barat Sabah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2). 212-214.
- Nurulnatsha Azman, Jeffery Abdullah, Mokhtar Saidin, Peter Molijol. (2017). Kajian Seramik Dagangan Di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 30, No. 1. Ikatan Ahli Akeologi Malaysia. 28.
- Ocvirk, O.G., Stinson, R.E., Wigg, Stinson, Wigg, P.R., Bone, R.O. & Cayton, D.L. (2006). *Art Fundamental: Theory and Practice* (10th Edition). New York: McGraw-Hill. 222.
- Panofsky, E. (1955). *Meaning in Visual Arts*. New York: Doubleday Anchor Books/ Doubleday & Company, Inc. 28.
- Preble, D., Preble, S. & Frank, P. (2002). *Artforms: An Introduction to the Visual Arts*. (7th Edition). New Jersey : Prentice Hall. 194.
- Roger, L.R. (1969). *The Appreciation of the Arts/ 2.Sculpture*. London: Oxford University Press. 13.
- Safrizal, S. (2018). Sebagai Satu Sistem: Esei-Esei Terpilih Ismail Zain. Kuala Lumpur: Balai Seni Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. 48.
- Siti Fariza Binti Mahfar, Humin Jusilin. (2017). Reka Corak Dan Symbolisme Motif Pinakol Dalam Pakaian Masyarakat Rungus Di Sabah. *Gendang Alam, Journal Of Arts*. Jilid 7. Penerbit Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu. 8.
- Tajul Shuhaizam Said, Harozila Ramli, Khairul Rifqy Jailani, Nurliyana Ibrahim. (2017). Kearifan Lokal Masyarakat Lun Bawang Menerusi Kraf Manik Seramik. *KUPAS SENI, Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. Vol 5. 25.
- Yoon Pui Ling, Humin Jusilin. (2018). Ciri Estetika Dalam Reka Bentuk Dan Motif Pakaian Tradisional Golongan Perempuan Etnik Rungus Di Kudat. *Gendang Alam, Journal Of Arts*. Jilid 8. Penerbit Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu. 72.